



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN TENDER BERSEPADU KENDERAAN LUCUTHAK KASTAM DIRAJA MALAYSIA BIL. 1/2023

1. Jawatankuasa Tender Khas Kenderaan Lucuthak Kastam (JTKKLLK) telah bersidang pada 12 April 2023 untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Tender Bersepadu Kenderaan Lucuthak Kastam Diraja Malaysia Bil. 1/2023. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan penender-penender yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot kenderaan yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan JTKKLLK bagi Penender-penender yang berjaya adalah seperti di **Lampiran A**.
3. Syarat-syarat tawaran kepada penender-penender yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Penender yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 14 (empat belas) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk tender

Bil. 1/2023 yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri. Permohonan atau rayuan untuk melanjutkan tempoh pembayaran penuh hendaklah mendapat kelulusan daripada Ibu Pejabat;

- b. Deposit tender tidak akan dikembalikan jika penender yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- c. Bagi lot-lot yang terdapat penender pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penender kedua berjaya jika penender pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika penender kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penender ketiga berjaya;
- d. Bagi lot-lot yang terdapat penender berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penender kedua berjaya jika penender pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- e. Bagi lot-lot yang terdapat satu penender berjaya sahaja, lot-lot kenderaan berkenaan hendaklah ditender semula jika penender yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.
- f. Pembelian ke atas kenderaan berkenaan adalah dikecualikan daripada Permit Import dan Cukai-Cukai Kastam yang terlibat;

- g. Urusan tukar nama hakmilik kenderaan berkenaan daripada Ketua Pengarah Kastam Malaysia kepada penender yang berjaya hendaklah diselesaikan dalam tempoh **28 (dua puluh lapan)** hari daripada tarikh pembayaran penuh dilaksanakan;
- h. Selepas tempoh di para g tersebut tamat, Ketua Pengarah Kastam Malaysia tidak akan bertanggung secara liabiliti terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, saman, tindakan undang-undang atau tuntutan daripada orang perseorangan dalam penggunaan kenderaan tersebut sama ada untuk tujuan rasmi atau persendirian;
- i. Kenderaan yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan
- j. Penender yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pembaikan kenderaan berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam.

Sekian, terima kasih.



(DATO' SAZALI BIN MOHAMAD)

Timbalan Ketua Pengarah Kastam

(Penguatkuasaan & Pematuhan)

b.p. Ketua Pengarah Kastam Malaysia